

CABARAN PENGAJARAN SOLAT OKU MASALAH PENGLIHATAN

Nurul Aina Binti Muhammad

Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

Email : nurulainamuhammad02@raudah.usim.edu.my

Nur Ain Athirah Binti Mohd Fadzali

Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

Email : ainfadzali_@raudah.usim.edu.my

Nur Mirzani Binti Abd Malek

Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

Email: nurmiznani@raudah.usim.edu.my

Nur Atiqah Binti Abdul Aziz

Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

Email: nuratiqah@usim.edu.my

ABSTRAK

Pendekatan yang ideal bagi pengajaran solat adalah dengan menggunakan medium deria penglihatan dan juga pendengaran. Namun begitu, bagi individu yang tidak mampu melihat, pastinya terdapat kekangan untuk mereka mempelajari dan mendalami pelaksanaan solat. Artikel ini akan membincangkan kaedah yang digunakan oleh guru dan pelajar OKU Masalah Penglihatan dalam mempelajari cara mendirikan solat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh guru dan pelajar OKUMP mempelajari solat disamping cabaran dan masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran solat tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur bagi mengenalpasti kaedah, cabaran dan masalah dalam kalangan OKUMP mempelajari solat. Kajian ini penting dalam mengenal pasti keperluan komuniti ini dalam meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif mengikut keupayaan dan kemampuan mereka. Diharapkan kajian ini menjadi titik tolak kepada pembangunan medium pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik bagi komuniti OKUMP menjalani ibadah solat dengan sempurna.

Kata kunci: Pengajaran Solat, OKU Masalah Penglihatan.

1- Pengenalan

Solat merupakan salah satu rukun Islam yang penting dan merupakan ibadah yang diwajibkan keatas setiap umat Islam. Ia merupakan cara bagi individu untuk berhubung secara langsung dengan Allah SWT melalui doa,zikir, dan pengabdian diri kepada Tuhan yang Maha Esa. Hal ini jelas termaktub di dalam kitab suci al-Quran yang menuntut umat Islam untuk mendirikan solat seperti yang tertera dalam surah Al-Baqarah ayat 43 ;

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَاتُّوا الزَّكُوَةَ وَارْجِعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

"Dan dirikanlah sholat, dan keluarkanlah zakat, dan tunduklah rukuk bersama orang-orang yang rukuk."

Justeru itu, pentingnya pemahaman mengenai solat dalam diri setiap individu bahawa ibadah ini perlu dihayati secara mendalam bagi mencapai kesempurnaan dalam pelaksanaannya.

Demi mendapatkan solat yang sempurna, setiap individu haruslah belajar dan memahami solat sejak peringkat awal kehidupan mereka. Pengajaran tentang solat dapat dimulakan melalui pendidikan awal yang diterapkan oleh ibubapa. Hal ini kerana ibubapa merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak terutamanya dalam aspek solat yang menjadi tiang dalam agama Islam. Ibubapa juga perlu memberikan bimbingan dan dorongan kepada anak-anak untuk mengamalkan solat secara konsisten. Di samping itu, pembelajaran mengenai solat di sekolah juga merupakan cara yang efektif untuk mencapai solat yang sempurna. Ianya dapat memberikan dasar yang kukuh kepada murid-murid tentang konsep-konsep asas solat. Antara aspek-aspek yang harus ditekankan kepada murid-murid seperti waktu-waktu solat, arah kiblat dan posisi-posisi solat. Guru-guru bertanggungjawab untuk memberikan contoh-contoh praktikal solat kepada murid serta membantu mereka dalam memahami tatacara solat dengan lebih baik. Oleh yang demikian, pembelajaran tentang solat sejak peringkat awal melalui dorongan ibubapa dan guru-guru di sekolah amatlah penting untuk setiap individu supaya dapat meningkatkan kualiti dalam ibadah solat. Hal ini dapat membantu mereka dalam menghayati dan memahami kepentingan dan tatacara solat dalam mencapai kesempurnaannya.

Dalam konteks pengajaran mengenai solat, kita tidak boleh mengabaikan hakikat bahawa terdapat pelbagai cabaran dan isu yang mesti dihadapi. Ini tidak hanya berlaku bagi individu biasa, tetapi juga bagi pelajar Orang Kurang Upaya (OKU), khususnya mereka yang menghadapi masalah penglihatan (OKUMP). Dalam situasi pengajaran dan pembelajaran, kita perlu memahami dengan jelas bahawa cabaran tersebut merentasi semua kategori pelajar. Cabaran ini merangkumi aspek-aspek seperti pemahaman konsep solat yang mendalam, pelaksanaan gerakan solat secara praktikal, aksesibiliti terhadap bahan pengajaran yang sesuai, dan sokongan serta penerimaan dari masyarakat sekeliling. Apabila kita menyedari bahawa individu biasa juga menghadapi cabaran dalam pembelajaran mengenai solat, sudah semestinya kita juga mengakui bahawa pelajar OKUMP akan menghadapi cabaran serupa atau mungkin lebih mencabar.

Dengan memahami hal ini, penting bagi pendidik dan pembimbing untuk menyediakan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar OKUMP. Ini termasuk menyediakan bahan pengajaran yang disesuaikan, bantuan tambahan dalam pelaksanaan solat, serta mencipta persekitaran pembelajaran yang inklusif dan mesra. Dengan pendekatan yang bersepadu, pengajaran mengenai solat dapat disampaikan secara efektif kepada semua pelajar, tanpa mengabaikan keperluan individu yang mungkin menghadapi cabaran yang lebih besar dalam pembelajaran mereka.

2- Metodologi Kajian

Kualitatif bermaksud sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berdasarkan kuantiti (bersifat kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kajian ini berbentuk kualitatif dan melibatkan analisis dokumen, temu bual mendalam separa berstruktur, temu bual mendalam kelompok sasaran dan pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat kajian. Pendekatan secara kualitatif dijalankan dalam kajian ini untuk mendalamai dan memahami cabaran pengajaran solat OKUMP. Pendekatan ini dipilih sesuai dengan kajian kerana pengkaji boleh mendapatkan gambaran serta pengalaman mengenai kaedah pengajaran serta cabaran OKUMP dalam mendirikan solat. Data dapat dikumpulkan melalui analisis dokumen iaitu menganalisis pendekatan pengajaran tentang solat yang digunakan. Temu bual juga dijalankan bagi memudahkan pengkaji memahami dan mendapatkan maklumat terperinci tentang cabaran

yang dihadapi dalam pengajaran solat bagi OKUMP. Metodologi ini bertujuan untuk memahami secara mendalam cabaran pengajaran solat OKUMP dan cadangan untuk meningkatkan pengajaran solat bagi komuniti OKUMP.

1.1 Pemilihan Sampel Kajian

Seramai 3 responden telah terlibat dalam temu bual yang dijalankan. Mereka merupakan guru-guru daripada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kesemua responden adalah lelaki. Jadual 1 berikut menerangkan profil peserta kajian yang terlibat.

Jadual: Profil Peserta Kajian

Peserta Kajian	Jantina	Jawatan/ Intitusi
P1	Lelaki	Guru, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Penang
P2	Lelaki	Guru, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Penang
P3	Lelaki	Guru, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Penang

3- Perbincangan

Kajian ini telah menjalankan analisis untuk mendapatkan hasil dapatan dengan melibatkan sebanyak tiga orang guru dari Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Pulau Pinang dalam sesi temuduga. Peserta yang terlibat terdiri daripada guru-guru lelaki yang memiliki pengalaman mengajar yang luas. Dua orang daripada mereka mengajar subjek Pendidikan Islam, manakala selebihnya mengajar subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Penyelidikan yang menggunakan kajian kualitatif ini berfokus kepada mengenalpasti cabaran-cabaran ataupun isu yang berkait rapat dengan pengajaran solat OKUMP. Jadual dibawah menerangkan profil peserta temuduga yang terlibat.

Jadual 2 : Profil peserta temuduga

Peserta Kajian	Umur	Jantina	Jawatan	Subjek	Sekolah	Pengalaman
P1	50-60	Lelaki	Guru	Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Penang	17 Tahun
P2	50-60	Lelaki	Guru	Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Penang	15 Tahun
P3	30-40	Lelaki	Guru	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Penang	17 Tahun

3.1 Analisis Deskriptif

3.1.1 Kaedah Pengajaran Solat Murid OKUMP

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, didapati bahawa semua peserta menggunakan kaedah sentuhan untuk mengajar pelajar cacat penglihatan mereka untuk menunaikan solat. Ini adalah menurut kenyataan yang dinyatakan oleh semua peserta penyelidikan seperti berikut:

“nak ajar dia rukun fi’li kan, perbuatan kan apa semua kita kena pegang dia, kemudian kita kena buat, ha ni maknanya kalau kita, aa contohkan takbiratul ihram, angkat tangan kita tak boleh cakap dia aa okey, angkat tangan, kita kena pegang tangan dia, angkat macam ni ha macam ni.” (P1, 2023)

“Kita pegang, kita buat. Selalunya ni kita akan buat macam tu lah. Kita bawa letak seorang, ambil seorang. Kalau yang lelaki ambil lelaki... Kita rukukkan dia lah. Jadi seorang lelaki tu akan letak. Kita buat macam tu lah.” (P3, 2023)

Berdasarkan pendapat yang dinyatakan oleh setiap peserta di atas, menunjukkan bahawa terdapat kata sepakat dalam kalangan mereka bahawa mereka mengajar murid-murid dengan hanya menggunakan sentuhan untuk melakukan setiap pergerakan dalam solat. Ini disebabkan oleh ketiada upayaan mereka untuk melihat dan guru hanya memberi penerangan kepada

mereka untuk memahami pergerakan di dalam solat. Di samping penerangan, murid-murid akan diajar untuk aplikasi dan praktikal solat setiap kali waktu solat di surau.

Kesimpulannya, kesemua peserta bersetuju untuk mengatakan bahawa seorang guru hanya menggunakan kaedah sentuhan untuk mengajar murid OKUMP mempelajari pergerakan di dalam solat.

3.2.2 Alat Bantu Pengajaran Solat OKUMP

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati guru-guru tidak menggunakan sebarang alat bantu solat untuk mengajar anak-anak caca penglihatan mereka menunaikan solat. Ini adalah menurut kenyataan yang dinyatakan oleh semua peserta penyelidikan seperti berikut:

“nak ajar dia rukun fi’li kan, perbuatan kan apa semua kita kena pegang dia, kemudian kita kena buat, ha ni maknanya kalau kita, aa contohkan takbiratul ihram, angkat tangan kita tak boleh cakap dia aa okey, angkat tangan, kita kena pegang tangan dia, angkat macam ni ha macam ni.” (P1, 2023)

“Solat memang takdo” (P2, 2023)

“Setakat ini memang guide. Kalau video tu Mungkin kita boleh pergi penerangan tapi Memang kena guna guide jugak. tu Macam nak rukuk kan. Macam rukuk, kita boleh nak terangkan tunduk, tangan dilutut..” (P3, 2023)

Berdasarkan pendapat yang dinyatakan oleh setiap peserta di atas, menunjukkan bahawa terdapat kesepakatan di kalangan mereka bahawa tiada sebarang alat bantu solat yang digunakan untuk seseorang guru mengajar murid OKUMP mendirikan solat.

Jadual 2 : Alat Bantu Pengajaran Solat OKUMP

Alat bantu solat yang digunakan oleh guru untuk mengajar murid caca penglihatan menunaikan solat.		
	Ada	Tiada
P1		/
P2		/
P3		/

Antara syarat utama dalam solat ialah syarat *qauli*. Ia dinamakan sebagai syarat-syarat *qauli* kerana syarat-syarat ini wajib dibaca atau dilafazkan yang didengari sekurang-kurangnya kepada qari itu sendiri. Syarat *qauli* ada lima: *takbiratul ihram*, bacaan al-Fatihah, bacaan *tasyahhud akhir*, pujian dan selawat ke atas Nabi Muhammad dalam *tasyahhud akhir* dan salam. Semua syarat *qauli* mesti dibaca, diucapkan, dan dilafazkan dengan suara yang cukup kuat untuk didengari sendiri.

Bagi keperluan *qauli*, murid-murid OKUMP tidak berhadapan dengan masalah untuk menguasai bacaan *qauli* di dalam solat. P1 menyatakan mereka akan menyediakan pelajar cacat penglihatan mereka dengan bahan bacaan dalam bentuk braille. Pelajar akan menghafal bacaan dalam solat seperti *tasyahhud* dengan bantuan huruf braille yang akan memudahkan mereka membaca. Ini berdasarkan kenyataan berikut:

“Buku Braille, nota Braille kemudian kalau bacaan surah kita ada, kita guna elektronik Braille kaa” (P1,2023)

Oleh itu, P1 menjelaskan bahawa pelajarnya akan menggunakan bahan bacaan dalam solat dalam bentuk braille yang lebih mudah untuk mereka hafal. Selain itu, P1 menyatakan bahawa beliau menggunakan audio untuk memberikan bantuan dari segi pembacaan, ini adalah seperti yang dinyatakan:

“Tapi dia dengar macam kita buka internet kan aa... Kan mari sembahyang kan aa kita bagi dia dengar; dia kena ambil kot, sebab dia pendengaran taka da masalah, Cuma penglihatan.” (P1, 2023)

Kesimpulannya, dapat disimpulkan bahawa setiap peserta menyatakan persetujuan mereka bahawa setakat ini tiada bahan bantuan solat disediakan untuk kegunaan khas dalam pengajaran solat kepada murid OKUMP. Mereka mengajar murid OKUMP hanya menggunakan kaedah sentuhan seperti yang dinyatakan:

“Kita pegang, kita buat. selalunya ni kita akan buat macam tu lah.Kita bawa letak seorang, ambil seorang. Kalau yang lelaki ambil lelaki...Kita rukukkan dia lah. Jadi seorang lelaki tu akan letak. Kita buat macam tu lah.” (P3,2023)

Selain itu, mereka juga menggunakan bahan bacaan braille dan audio yang memudahkan murid belajar solat. Maka, terbuktilah perlunya alat bantu solat yang boleh membantu seseorang guru untuk mengajar pelajar OKUMP .(Naziera & Nazri, 2024)

3.2.3 Cabaran Pengajaran Solat OKUMP

Namun, bagi golongan orang kurang upaya penglihatan (OKU penglihatan), melaksanakan solat menjadi satu cabaran yang signifikan. Ketiadaan deria penglihatan menyebabkan mereka tidak dapat melihat demonstrasi gerakan solat yang betul, yang merupakan elemen penting dalam pembelajaran. Mereka tidak dapat memerhati dan meniru pergerakan solat seperti orang yang berpenglihatan. Oleh itu, mereka perlu bergantung sepenuhnya kepada arahan lisan dan sentuhan untuk memahami dan menghafal gerakan solat (Yunus, 2016). Ini boleh menyebabkan kekeliruan kerana mereka perlu membayangkan setiap langkah dengan tepat tanpa bantuan visual. Selain itu, memahami posisi tubuh yang betul dalam solat seperti rukuk, sujud, dan duduk antara dua sujud boleh menjadi sangat mencabar tanpa panduan visual yang jelas.

Guru yang mengajar solat kepada OKU penglihatan perlu menunjukkan kreativiti dan kesabaran. Mereka perlu menggunakan kaedah pengajaran yang lebih interaktif dan menyeluruh, seperti menggunakan tangan mereka untuk membimbing pergerakan pelajar atau menggunakan model tiga dimensi yang boleh disentuh oleh pelajar. Satu kajian oleh Pusat Pendidikan Islam dan Kebajikan OKU menyarankan penggunaan teknologi seperti aplikasi telefon pintar yang mempunyai panduan suara dan getaran untuk membantu OKU penglihatan dalam memahami dan menghafal pergerakan solat. Pendekatan seperti ini memerlukan masa

yang lebih lama dan pengulangan yang kerap, namun dengan sokongan komuniti dan keluarga, proses pembelajaran ini boleh menjadi lebih efektif (Ahmad Razuan, 2019). Komitmen dan usaha berterusan dalam menyediakan pendidikan solat yang sesuai bagi golongan OKU penglihatan adalah penting untuk memastikan mereka dapat melaksanakan ibadah ini dengan sempurna.

a- Cabaran guru dalam proses pengajaran OKUMP.

Mengajar solat kepada orang kurang upaya penglihatan (OKUMP) memerlukan pendekatan yang lebih khusus dan menghadapi pelbagai cabaran yang unik. Salah satu cabaran utama bagi guru adalah ketiadaan petunjuk visual yang boleh digunakan untuk membantu OKUMP memahami pergerakan solat. Tanpa petunjuk visual, guru tidak boleh menggunakan demonstrasi fizikal biasa yang memudahkan pemahaman pergerakan solat kepada pelajar berpenglihatan. Guru perlu memberikan arahan lisan yang sangat terperinci dan menggunakan teknik sentuhan untuk membimbing pelajar melalui setiap langkah solat. Proses ini memerlukan masa yang lebih panjang dan pengulangan yang kerap untuk memastikan pelajar dapat menghafal dan melaksanakan pergerakan dengan betul.

Selain itu, guru juga perlu mencari dan menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai dan inovatif untuk membantu proses pengajaran. Kebanyakan bahan bantu mengajar yang ada, seperti buku panduan bergambar atau video, tidak dapat digunakan oleh OKUMP. Oleh itu, guru perlu kreatif dalam mencipta atau mencari alat bantu seperti model tiga dimensi yang boleh disentuh oleh pelajar atau menggunakan teknologi seperti aplikasi telefon pintar dengan panduan suara dan getaran. Kajian oleh Pusat Pendidikan Islam dan Kebajikan OKU menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dapat membantu meningkatkan pemahaman dan keupayaan OKUMP dalam melaksanakan solat. (Ahmad Razuan, 2019)

Tambahan pula, guru perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi untuk memberikan arahan lisan yang jelas dan mudah difahami oleh OKUMP. Ini termasuk kemampuan untuk menjelaskan konsep yang abstrak seperti kedudukan dan pergerakan tubuh dalam solat melalui kata-kata. Guru juga perlu bersabar dan memahami bahawa proses pembelajaran bagi OKUMP mungkin lebih lambat dan memerlukan lebih banyak masa dan usaha. Komitmen dan dedikasi guru sangat penting untuk memastikan pelajar OKUMP dapat menguasai pergerakan solat dengan betul. Sokongan dari komuniti dan keluarga juga memainkan peranan penting dalam membantu guru dalam proses pengajaran ini.

b- Kesukaran OKUMP Memahami dan Mengingat Posisi Tubuh.

Memahami dan mengingat posisi tubuh dalam solat adalah satu cabaran besar bagi OKU penglihatan kerana solat melibatkan pergerakan fizikal yang spesifik dan perlu dilakukan dengan ketepatan tinggi. Setiap gerakan seperti rukuk, sujud, dan duduk antara dua sujud memerlukan posisi tubuh yang betul. Bagi individu yang tidak dapat melihat, menghafal dan membayangkan setiap posisi ini berdasarkan arahan lisan dan sentuhan boleh menjadi tugas yang sangat mencabar. Tanpa panduan visual, mereka perlu membina gambar mental yang tepat dari arahan yang diberikan, yang memerlukan latihan berulang kali dan kesabaran yang tinggi.

Proses ini menjadi lebih kompleks apabila setiap pergerakan dalam solat bukan hanya melibatkan perubahan posisi tubuh, tetapi juga penempatan anggota badan yang spesifik. Misalnya, dalam posisi rukuk, punggung perlu lurus dan tangan perlu diletakkan pada lutut. Arahan lisan perlu sangat terperinci, dan sering kali tidak cukup jelas tanpa bantuan tambahan.

Oleh itu, guru perlu menggunakan kaedah sentuhan untuk membimbing pelajar merasakan posisi yang betul. Walaupun berkesan, pendekatan ini memerlukan masa yang lebih lama dan latihan berulang kali untuk memastikan pelajar benar-benar memahami dan dapat melaksanakan pergerakan dengan tepat. (Miyauchi, 2020)

Kajian yang diterbitkan dalam "Journal of Special Education Technology" menunjukkan bahawa penggunaan alat bantu seperti model tiga dimensi dan aplikasi berteknologi tinggi yang menyediakan panduan audio dan getaran dapat membantu OKU penglihatan memahami dan mengingat posisi tubuh dalam solat dengan lebih baik. Model tiga dimensi membolehkan pelajar merasakan bentuk dan posisi tubuh dengan lebih jelas melalui sentuhan. Sementara itu, aplikasi dengan panduan audio dan getaran memberikan arahan yang lebih interaktif dan mudah diikuti, membantu pelajar menghafal pergerakan dengan lebih berkesan.

Tambahan pula, sokongan daripada keluarga dan komuniti adalah kritikal dalam memastikan keberkesanan pembelajaran. Kajian oleh "International Journal of Inclusive Education" menekankan pentingnya peranan keluarga dalam mengulang latihan di rumah dan memberikan sokongan moral yang diperlukan. Tanpa sokongan yang mencukupi, pelajar mungkin menghadapi tekanan dan keputusasaan, yang boleh menghalang mereka daripada mencapai kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan solat dengan betul (Manirajee et al., 2024). Oleh itu, komitmen dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat sangat penting untuk memastikan OKU penglihatan dapat menguasai pergerakan solat dengan sempurna.

c- Kesabaran dan Konsistensi dalam pengajaran solat OKUMP.

Kesabaran dan konsistensi adalah dua aspek penting dalam proses pengajaran solat kepada orang kurang upaya penglihatan (OKU) masalah penglihatan. Pertama sekali, kesabaran diperlukan dari pihak guru untuk memberikan bimbingan dan arahan kepada pelajar dengan penuh kehalusan dan kesabaran. Proses pembelajaran bagi OKU masalah penglihatan mungkin memerlukan lebih banyak masa dan pengulangan untuk memastikan bahawa mereka dapat memahami dan menguasai gerakan-gerakan solat dengan betul. Guru perlu bersedia untuk mengulangi arahan berkali-kali dengan penuh kesabaran tanpa menunjukkan kekecewaan atau keletihan. Kesabaran ini merupakan kunci untuk membina kepercayaan dan keselesaan di kalangan pelajar dalam mempelajari solat.

Konsistensi juga merupakan faktor penting dalam pengajaran solat kepada OKU masalah penglihatan. Guru perlu konsisten dalam memberikan bimbingan dan sokongan kepada pelajar dari semasa ke semasa. Ini termasuk menjadualkan sesi pembelajaran secara berkala dan memastikan bahawa terdapat kesinambungan dalam pendekatan pengajaran yang digunakan. Konsistensi dalam pengajaran membantu membina struktur dan rutin yang membantu pelajar OKU masalah penglihatan memahami dan mengingati langkah-langkah solat dengan lebih baik. Ini juga membantu meningkatkan keyakinan mereka dalam melaksanakan solat dengan betul.

Oleh itu, kesabaran dan konsistensi adalah dua elemen yang saling berkait dalam proses pengajaran solat kepada OKU masalah penglihatan. Dengan kesabaran, guru dapat memberikan arahan yang jelas dan terperinci tanpa menunjukkan keletihan, sementara dengan konsistensi, guru dapat membina struktur pembelajaran yang membantu pelajar memahami dan menguasai solat secara beransur-ansur. Kedua-dua elemen ini adalah penting untuk mencapai keberhasilan dalam pembelajaran solat bagi OKU masalah penglihatan.

d- Kekurangan Sokongan Masyarakat dan Komuniti.

Kekurangan sokongan masyarakat dan komuniti merupakan cabaran serius dalam pengajaran solat kepada orang kurang upaya penglihatan (OKU) masalah penglihatan. Pertama sekali, sokongan yang tidak mencukupi dari masyarakat boleh mengakibatkan kurangnya persekitaran yang inklusif bagi OKU masalah penglihatan untuk belajar solat. Ketika masyarakat tidak peka terhadap keperluan mereka, peluang untuk memperoleh bantuan atau sokongan tambahan dalam pembelajaran menjadi terhadkan. Ini juga boleh mengakibatkan stigma atau diskriminasi terhadap OKU masalah penglihatan, yang boleh menjelaskan keyakinan mereka dalam belajar solat dan menyekat perkembangan mereka dalam memahami dan mengamalkan ibadah.

Selain itu, kekurangan sokongan komuniti juga boleh menyebabkan kurangnya sumber daya dan bantuan praktikal yang diperlukan untuk pembelajaran solat. Tanpa sokongan dari komuniti setempat, sekolah atau institusi pendidikan mungkin tidak memperuntukkan sumber yang mencukupi untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang inklusif bagi OKU masalah penglihatan. Ini termasuk kurangnya bahan bantu mengajar yang sesuai, peluang untuk latihan praktik, atau perkhidmatan sokongan khusus seperti pembimbing penglihatan atau kelas tambahan.

Selain itu, kekurangan sokongan masyarakat dan komuniti juga dapat mengurangkan kesedaran tentang isu-isu yang dihadapi oleh OKU masalah penglihatan dalam pembelajaran solat. Tanpa kesedaran yang mencukupi, usaha untuk meningkatkan kefahaman dan empati terhadap keperluan mereka mungkin terbantut. Ini juga boleh mempengaruhi persepsi dan sikap masyarakat terhadap pembelajaran OKU masalah penglihatan, yang mungkin menghalang upaya untuk menyediakan sokongan dan bantuan yang diperlukan.

Oleh itu, kekurangan sokongan masyarakat dan komuniti bukan sahaja membataskan akses OKU masalah penglihatan kepada sumber dan sokongan yang diperlukan dalam pembelajaran solat, tetapi juga mencipta persekitaran yang tidak inklusif dan kurang sensitif terhadap keperluan mereka. Untuk mengatasi cabaran ini, penting untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu yang dihadapi oleh OKU masalah penglihatan serta menyediakan sokongan yang mencukupi dari masyarakat dan komuniti

e- Latihan praktikal yang terhad oleh golongan OKUMP.

Latihan amali yang terhad merupakan cabaran besar dalam mengajar solat kepada orang cacat penglihatan (OKUMP). Latihan amali memainkan peranan penting dalam memantapkan kefahaman dan kemahiran pelajar dalam menuaikan solat dengan betul. Walau bagaimanapun, OKUMP mungkin menghadapi kesukaran untuk mendapatkan latihan praktikal yang mencukupi kerana beberapa faktor.

Pertama, akses kepada kemudahan atau ruang yang sesuai untuk latihan praktikal mungkin terhad untuk OKUMP. Ini termasuk ruang yang cukup besar dan selamat untuk melakukan pergerakan solat tanpa halangan atau risiko kecederaan. Di samping itu, kemudahan yang dilengkapi dengan kemudahan yang sesuai untuk OKUMP seperti alat bantuan atau peralatan tambahan mungkin tidak tersedia secara meluas, menjadikannya sukar untuk menyediakan persekitaran yang sesuai untuk latihan amali.

Kedua, kurangnya bimbingan atau sokongan daripada tenaga pengajar atau penyelia yang terlatih dalam mendidik OKUMP juga menjadi faktor penyumbang kepada latihan praktikal yang terhad. Mentor yang berwibawa boleh memberikan tunjuk ajar yang terperinci dan

memberi tunjuk ajar yang sewajarnya kepada OKUMP dalam melaksanakan solat dengan betul. Walau bagaimanapun, kekurangan tenaga pengajar yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam mengajar OKUMP boleh mengakibatkan latihan praktikal yang tidak berkesan atau tidak mencukupi.

Ketiga, faktor logistik seperti masa dan lokasi juga boleh menjadi penghalang kepada OKUMP untuk mendapatkan latihan amali yang mencukupi. OKUMP mungkin menghadapi cabaran dalam mengatur masa dan pengangkutan untuk menghadiri sesi latihan amali, lebih-lebih lagi jika latihan itu diadakan pada jarak yang jauh atau tidak mudah diakses oleh mereka.

Untuk mengatasi batasan latihan praktikal, adalah penting untuk meningkatkan kebolehcapaian dan ketersediaan kemudahan yang sesuai, menyediakan bimbingan dan sokongan yang mencukupi daripada tenaga pengajar terlatih, dan memberi perhatian kepada faktor logistik dalam reka bentuk dan pelaksanaan sesi latihan amali.

4. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang telah dijalankan, adalah jelas bahawa pengajaran dan pembelajaran solat bagi golongan OKUMP memerlukan pendekatan yang khusus dan menyeluruh. Melalui kaedah kualitatif, kajian ini telah menggambarkan beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru yang terlibat dalam pengajaran solat kepada OKUMP, antaranya adalah ketiadaan petunjuk visual yang dapat digunakan untuk pembelajaran, kesulitan dalam memahami dan mengingati posisi tubuh, serta kekurangan sokongan dari masyarakat dan komuniti.

Selain itu, kajian ini juga memberikan gambaran tentang kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru untuk mengatasi cabaran tersebut, seperti penggunaan kaedah sentuhan, bahan bantu mengajar yang sesuai, dan teknologi bantu seperti aplikasi telefon pintar. Walaupun cabaran ini mungkin mencabar, kesediaan dan kesabaran guru-guru dalam memberikan bimbingan dan sokongan kepada pelajar OKUMP adalah penting untuk mencapai keberhasilan dalam pembelajaran solat.

Bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran solat bagi OKUMP, adalah penting untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang inklusif, menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai, dan meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang isu-isu yang dihadapi oleh OKUMP. Dengan usaha yang berterusan dan sokongan yang mencukupi, adalah mungkin untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang bermakna dan memberi peluang kepada OKUMP untuk menghayati dan mengamalkan solat dengan sempurna.

5- Rujukan

Al-Quran Kareem, Surah Al-Baqarah ayat 43

Ahmad Razuan, S. R., Mohd Raus, N., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Mohamed Yusoff, A., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *'Abqari Journal*, 20(2), 78–98.
<https://doi.org/10.33102/ABQARI.VOL20NO2.216>

Kamus Dewan. (4th ed.). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Manirajee, L., Hanis Shariff, S. Q., & Mohd Rashid, S. M. (2024). Assistive Technology for Visually Impaired Individuals: A Systematic Literature Review (SLR). *International Journal of*

Academic Research in Business and Social Sciences, 14(2).
<https://doi.org/10.6007/IJARBSS/V14-I2/20827>

Miyauchi, H. (2020). A systematic review on inclusive education of students with visual impairment. *Education Sciences*, 10(11), 1–15. <https://doi.org/10.3390/EDUCSCI10110346>

Naziera, N., & Nazri, B. T. (2024). *Need Analysis of The Prayer (Solah) Aids For Visually Impaired Person*.

Yunus, A., & Abstrak, N. (2016). Challenges in the Teaching and Learning of Braille al-Qur'an at the Malaysian Association for the Blind (MAB). *ISLAMIYYAT*, 38(1), 15–24. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3801-02>